

**MENTALITI PULAU (SHIMAGUNI  
KONJO) SERTA KESANNYA KE  
ATAS PERKEMBANGAN  
PERADABAN JEPUN**

**OLEH :**

**MOHD FADZIL BIN HASHIM**

Desertasi bagi memenuhi sebahagian daripada syarat Sarjana  
Sastera (Pengajian Peradaban) Pusat Dialog Peradaban  
Fakulti Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur  
2004

Perpustakaan Universiti Malaya



A511789916

島國のこんじょ

日本人の伝等<sup>々</sup>に

影<sup>々</sup>境<sup>々</sup>すること

SHIMA GUNI NO KON JO  
NIHON JIN NO DEN TO NI  
EI KYO SU RU KO TO

## **PERAKUAN PELAJAR**

**Saya, nama di bawah, mengaku bahawa disertasi  
ini merupakan hasil usaha saya sendiri kecuali  
bahan-bahan / petikan-petikan yang dinyatakan sumbernya.**

**Tandatangan** : 

**Nama** : Mohd. Fadzil bin Hashim

**Tarikh** : 20 Mei, 2004.

## **Kependekan**

<b>km</b>	<b>-kilometer</b>
<b>M</b>	<b>-Masehi</b>
<b>S.M</b>	<b>-Sebelum Masehi</b>
<b>s.a.w</b>	<b>-Salallahu 'alaihi wasalam</b>
<b>T.M</b>	<b>-Tahun Masehi</b>

## **Abstrak**

Desertasi ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana kemajuan yang dicapai oleh negara Jepun mempunyai pertalian yang rapat dengan cara pemikiran rakyat yang dipengaruhi oleh mentaliti pulau (Shimaguni Konjo). Telah banyak kajian dibuat oleh sarjana Barat dan Timur yang mengaitkan kemajuan Jepun dengan sikap rakyatnya. Para sarjana mengulas tentang kesungguhan rakyat Jepun berusaha memacu kemajuan negara. Sikap tersebut dikaitkan dengan keadaan negara Jepun yang sentiasa menempuh bencana alam serta kekurangan bahan mentah. Keadaan begini menjadikan mereka lebih 'survival'. Daya tahan rakyat Jepun dikaitkan pula dengan kepercayaan mereka dengan agama Buddha dan Shinto serta gesaan positif Raja Jepun yang dianggap tuhan oleh penganut Shinto. Negara Jepun yang didiami oleh majoriti bangsa Jepun lebih mudah digerakkan ke arah satu kemajuan. Secara tidak langsung kenyataan yang mengaitkan kemajuan negara dengan unsur yang dinyatakan tadi ada kebetulannya. Tetapi sebagai pengkaji akademik, penulis cuba mengaitkan kepada beberapa unsur yang lebih mendalam lagi iaitu kedudukan negara pulau itu sendiri telah mengujudkan satu jenis pemikiran yang dipanggil mentaliti pulau (Shimaguni Konjo) sebagai pemangkin kepada kemajuan peradaban Jepun. Penulis tertarik dengan tajuk di atas kerana perkara itu ada kaitan dengan dasar kerajaan iaitu Dasar Pandang Ke Timur (Jepun, China dan Korea). Kejayaan di negara Jepun bermula sejak sebelum perang dunia kedua lagi. Apakah pemikiran dan tindakan orang Jepun ada kaitan dengan keadaan sekeliling? Bagaimana pula sikap orang Jepun di negara lain? Apakah mereka masih mengekalkan ciri-ciri hebat sewaktu di negara mereka? Atau mereka sendiri akan mengikut keadaan di negara mereka berada? Bagaimanapun, kajian ini hanyalah bersifat kajian luar, iaitu kajian orang luar ke atas orang Jepun. Dengan keterbatasan sumber asal, bahasa dan budaya Jepun serta kekurangan kefahaman tentang bangsa Jepun itu sendiri, nampaknya kajian harus dilanjutkan ke peringkat yang lebih tinggi dan lebih teliti lagi. Harapan penulis agar kajian ini dapat menjadi asas panduan kepada pengkaji yang ingin melanjutkan kajian ke atas mentaliti pulau bangsa Jepun dengan kemajuan peradaban bangsa tersebut. Semoga kajian ini boleh mendatangkan manfaat kepada rakyat Malaysia. Dapatan kajian ini akan dipaparkan di bahagian kesimpulan kajian. Dengan ini dapatlah dilihat sama ada mentaliti

pulau sebagai pemangkin kemajuan peradaban Jepun itu benar atau tidak atau terdapat hal lain yang benar-benar mempengaruhi pemikiran rakyat Jepun sehingga ke tahap moden sekarang.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat saya menyiapkan *desertasi* bagi memenuhi sebahagian daripada syarat sarjana sastera (Pengajian Peradaban) Pusat Dialog Peradaban Fakulti Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur 2003/2004 dengan jayanya walaupun terpaksa berdepan dengan pelbagai dugaan yang melanda. Semestinya *desertasi* ini merupakan satu tugas dan amanah yang wajib dilaksanakan.

Sebagai penghargaan, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia saya En.Azhar Mad Aros kerana banyak memberi dorongan, tunjuk ajar dan panduan tentang bagaimana rangka yang patut dibuat berdasarkan tajuk yang telah saya pilih. Kata-kata peransang yang selalu diluahkan menjadikan saya lebih bersemangat untuk menjayakan *desertasi* ini dengan lebih baik lagi.

Tidak lupa juga kepada kerjasama yang diberikan daripada pekerja-pekerja Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Cawangan Universiti Malaya dan mana-mana pusat sumber yang telah membantu saya mendapatkan bahan-bahan di sana dengan lebih teliti serta banyak menyenangkan segala urusan *desertasi* saya ini.

Saya juga ingin merakamkan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada Professor Madya Dr.Mohammad Redzuan Othman yang telah banyak membantu saya, tidak lupa juga kepada kawan-kawan setia Suhaimi, Shauki, Lan, Pok Jay, Ustaz Sufian dan lain-lain.. Juga kepada isteri, Mariam Che Latt dan anak-anak lima orang yang

sentiasa memberi dorongan. Akhir sekali Sdr. Amran Muhammad di Manchester University yang banyak memberi kefahaman tentang erti ilmu.

Semoga Allah mengurniakan rahmat dan kebaikan di atas jasa baik yang telah dihulurkan. Terima kasih semua.

Daripada:  
Mohd.Fadzil Hashim  
Taman Seri Gombak.



# KANDUNGAN

# Muka surat

<b>Abstrak</b>	<b>i</b>
<b>Penghargaan</b>	<b>iii</b>
<b>Kandungan</b>	<b>v</b>
<b>1 Pendahuluan</b>	
1.1 Latarbelakang Penyelidikan	1
1.2 Penyataan Masalah	6
1.3 Tajuk Kajian	7
1.4 Tujuan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Metodologi Kajian	9
1.7 Rangka Jadual Kerja	9
<b>2 Bab 1 Konsep Peradaban</b>	
2.1 Definisi Peradaban,	10
2.2 Definisi Mentaliti Pulau	12
2.3 Peradaban Dari Pandangan Barat dan Timur	13
2.4 Teori Perkembangan Peradaban	19
2.5 Nilai-Nilai Peradaban Dalam Konteks Jepun	34
<b>3 Bab 2 Sejarah Dan Perkembangan Peradaban Jepun</b>	
3.1 Unsur Asas Tamadun Jepun	40
3.2 Asal-Usul Bangsa Dan Peradaban Jepun	46
3.3 Interaksi Peradaban Jepun dan Peradaban Asing	49
3.4 Pengaruh Agama Buddha, Konfusianisme , Shinto dan Animisme	49
3.5 Pengaruh Bukan Agama	55
3.6 Ideologi Dan Pemikiran Jepun	60
3.7 Generasi Baru Jepun Dan Pengaruh Pemikiran Barat	63
<b>4 Bab3 Kesan Mentaliti Pulau (Shimaguni Konjo) Ke Atas Peradaban Jepun</b>	
4.1 Kesan Soslo Ekonomi Dan Politik	85
4.2 Jepun Di Era Globalisasi	92
4.3 Peranan Jepun Di Alaf Baru	93
<b>5 Bab 4 Pengaruh Pemikiran Jepun Di Malaysia</b>	
5.1 Pengurusan dan Model Korporat Gaya Jepun	105
5.2 Dasar Luar Jepun - Malaysia	118
5.3 Usahasama Ekonomi Malaysia dan Jepun	120
<b>6 Bab5 Kesimpulan Kajian</b>	
6.1 Dapatan Hasil Penyelidikan	126
6.2 Cadangan Untuk Pengkaji Akan Datang	128
<b>7 Bibliografi</b>	<b>129 - 130</b>

# **1. PENDAHULUAN**

## **1.1 Latar Belakang Penyelidikan**

Penulis telah memilih topik “ Mentaliti Pulau ( Shimaguni Konjo ) Serta Kesannya ke Atas Perkembangan Peradaban Jepun ”. Pemilihan ini berdasarkan kepada beberapa sebab. Pertama, negara Jepun di lihat telah berjaya bersaing di peringkat antarabangsa. Kedudukan negara Jepun di kalangan negara-negara di Asia tidaklah begitu menonjol jika dibandingkan dengan negara China atau India di peringkat tamadun awal dunia. Di China orang mengenali Tamadun Hwang Ho dan Sungai Wei sejak tahun 5000 S.M. Manakala di India dikenali sebagai Tamadun Lembah Sungai Indus yang bertempat di Mohenjo Daro dan Harappa yang bermula pada tahun 3000 S.M. Peradaban Jepun hanya dikenali di peringkat moden. Fakta yang menarik dikaji, bagaimana sebuah negara yang tidak menonjol di peringkat awal dapat mengatasi ketamadunan moden negara yang lebih awal menerima kemajuan.

Kedua, negara Jepun bukanlah negara yang besar dan tidak kaya dengan bahan mentah seperti negara China. Kira-kira 17 % saja daripada keluasan tanahnya boleh dijalankan aktiviti pertanian. Ditambah dengan keadaan bumi bergunung berapi. Ketiga, negara Jepun didiami oleh orang-orang Jepun. Jumlah orang luar tidaklah ramai. Mereka tinggal secara berkumpulan, manakala kerja-kerja seharian dilakukan secara beramai-ramai. Keempat, orang-orang Jepun sangat mementingkan masa kerana kehidupan mereka dipengaruhi oleh empat musim iaitu, musim panas, sejuk, bunga dan

luruh. Semua kegiatan ekonomi dan sosial mesti diselesaikan dalam masa yang ditetapkan. Jika tidak, segala perancangan akan terganggu apabila musim berubah.

Kelima, sikap kerjasama di kalangan orang Jepun sangat tinggi disebabkan mereka di dalam keadaan saling bergantung antara satu sama lain untuk hidup. Dalam kehidupan seharian, petani dikehendaki berkongsi bekalan air, jalan, peralatan dan lain-lain. Ini membuatkan mereka lebih bekerjasama di kalangan anggota masyarakat. Keenam, orang-orang Jepun tidak akan mengambil sebarang keputusan secara bersendirian. Mereka akan bermesyuarat dan mengambil keputusan ramai walaupun mengenai perkara yang kecil dan remeh.

Dari satu segi, orang Jepun dilihat sebagai bangsa yang begitu kuat berpegang dengan adat tradisi yang penuh dengan nilai-nilai peradaban lama tetapi dari segi yang lain orang Jepun merupakan suatu bangsa yang begitu maju setanding dengan bangsa Eropah dan Amerika. Penggunaan teknologi moden sangat meluas di Jepun, malah dari segi sumber perdagangan mereka telah mendahului banyak negara maju.

Mereka boleh maju tanpa membuang identiti bangsa yang penuh dengan amalan tradisi. Di sinilah ada satu kelainan jika dibandingkan dengan bangsa Barat yang tidak lagi mengekalkan adat tradisi lama. Mungkin Jepun ada satu kekuatan tertentu. Di sinilah yang menarik untuk dikaji. Penulis mengenal pasti sikap penduduk pulau Jepun sendiri yang telah membawa kejayaan. Dengan mengkaji mentaliti masyarakat pulau sejak dari peradaban awal Jepun diharap dapat mengenalpasti punca kejayaan yang dikecapi di hari

ini. Mentaliti Pulau di Jepun hanya khusus untuk penduduk Jepun. Mereka mempunyai pemikiran yang tersendiri dan sangat berlainan dengan mentaliti pulau bagi bangsa dan penduduk di tempat lain.

Bila berbicara tentang mentaliti ( pemikiran ) di Barat dan Timur terdapat suasana yang berbeza. Pemikiran Barat atau Islam dipengaruhi oleh agama Islam dan Kristian juga pengaruh pemikir-pemikir dan ahli falsafah tersohor. Banyak penulisan mereka yang boleh dirujuk. Kajian yang mereka lakukan telah menjadi bahan kajian seluruh dunia. Dalam membicarakan tentang mentaliti pulau orang Jepun kita akan berhadapan dengan situasi yang sangat berlainan. Penulis mendapati, tidak banyak bahan kajian yang ditulis tentang perkara yang dikaji iaitu Mentaliti Pulau ( Shimaguni Konjo ) Peradaban Jepun banyak dipengaruhi oleh elemen-elemen berikut :

### **Keadaan sekeliling**

1. Berpulau – kawasan yang terpencil dan berjauhan dari negara lain.
2. Tanah pertanian yang terhad – 17 % saja sesuai untuk pertanian.
3. Keadaan cuaca yang bermusim ( empat musim ).
4. Ancaman bencana alam ( banjir, ribut, salji dan lain-lain ).
5. Kehidupan yang susah bila berhadapan dengan bencana alam.
6. Tiada perbandingan dengan negara luar.
7. Keadaan yang sukar sepanjang masa.
8. Berinteraksi dengan alam semulajadi.
9. Tiada perbandingan dengan orang luar di zaman awal.

10. Cuaca dan fenomena menjadi tajuk perbualan biasa.
11. Padi merupakan tanaman utama iaitu sebagai makanan asasi.

### **Sikap**

1. Setia kepada ketua.
2. Kerjasama yang erat di antara kumpulan
3. Menjaga nama baik kumpulan.
4. Peka terhadap keadaan yang berlaku di sekeliling.
5. Sangat menghormati orang tua.
6. Curiga dengan orang luar.
7. Kuat berahsia.
8. Menjaga masa dan menepati janji.
9. Membaiki mutu kerja berterusan.
10. Persetujuan ramai.
11. Malu jika gagal menjalankan tanggungjawab, malah sanggup mati.
12. Perkara kecil tetap menjadi perhatian ramai.
13. Berjimat-cermat dan kuat menabung.
14. Masa kerja yang lama.
15. Bekerja sebagai satu kumpulan.
16. Mengikut peraturan.

### **Pengaruh Kepercayaan**

1. Shintoisme – percaya setiap benda ada penunggu ( spirit )

2. Mitos – lagenda kejadian negara Jepun, asal-usul bangsa ada kaitan dengan dewa-dewa Matahari dan Ombak.
3. Konfusianisme berasal dari China, bukan agama tetapi ia lebih merupakan falsafah dan etika moral.
4. Taoism juga berasal dari China
5. Buddhism-memainkan peranan yang kuat dalam pembentukan pandangan semesta masyarakat Jepun sama ada dari aspek keagamaan, sosial dan politik.
6. Bushido-semangat kepahlawanan dalam diri orang Jepun.

### **Kesan Keadaan**

1. Bangga diri – bangsa terbaik – keturunan dewa
2. Bangsa berseni dan berperaturan
3. Sangat menghalusi mutu kerja – pentingkan ketelitian dan kesungguhan kerja
4. Pura-pura – bertindak berdasarkan apa orang lain fikir tetapi bukan dari hati sendiri.
5. Menghormati ketua
6. Raja sebagai dewa atau wakil tuhan

### **Pengaruh Lain**

1. Falsafah dan kepelbagaian konsep hidup
2. Fahaman agama baru
3. Sistem pemerintahan semasa

## 1.2 Pernyataan Masalah

Kepulauan Jepun terdiri daripada pulau-pulau Honshu, Kyushu, Shikoku, Hokkaido serta pulau-pulau kecil yang berhampiran. Ia merupakan lebih daripada 6,800 buah pulau. Kebanyakan daripada pulau-pulanya sangat kecil, hanya 340 buah daripadanya berukuran lebih daripada 1 km persegi. Keluasan kawasan darat adalah 378,000 km persegi. Honshu merupakan pulau yang terbesar, di mana empat perlima daripada penduduk Jepun tertumpu di sini. Walaupun Jepun sebuah negara yang kecil dari segi keluasan tanah, jumlah penduduknya adalah ke lapan tertinggi di dunia iaitu seramai 125.6 juta orang. Ini menjadikan Jepun paling padat penduduknya di seluruh dunia. Secara purata terdapat lebih 330 penduduk bagi setiap kilometer persegi di Jepun.

Secara amnya, iklim Jepun adalah sederhana berada di latitud 20-46 darjah utara dan keempat-empat musim iaitu musim bunga, panas, luruh dan sejuk adalah jelas berbeza. Ia mengalami iklim yang berbeza. Pulau di bahagian selatan menerima lebih banyak cahaya matahari berbanding dengan Pulau Hokkaido di utara. Cuacanya berubah-ubah mengikut musim. Musim bunga (*haru*) bermula pada bulan Mac. Selepas musim bunga akan diikuti pula musim panas (*natsu*) yang bermula pada akhir Mei sehingga awal September. Musim gugur (*aki*) jatuh pada bulan September sehingga November. Musim sejuk (*fuyu*) bermula akhir November sehingga Februari.

Di sebalik kehalusan budaya dan kehidupan Timur, Jepun telah berjaya menjadi sebuah negara maju. Di dalam pengkajian peradaban dunia negara Jepun tidak pula

menjadi fokus perkembangan peradaban awal dunia. Malah tidak pula menyebut negara Jepun dalam coretan peradaban awal di Asia, tidak seperti China yang begitu menonjol dalam kajian awal peradaban manusia. Negara Jepun tidak terkenal dengan hasil bumi malah negara itu lebih terkenal disebabkan serangan malapetaka bumi seperti tiupan angin taufan, banjir dan gempa bumi.

Negara Jepun tidaklah besar jika dibandingkan dengan negara China dalam banyak perkara. Mereka dapat mengekalkan tradisi beraja hingga ke zaman moden namun mereka tidak pula menjadi bangsa yang dikongkong dan berfikiran sempit. Ciri-ciri budaya lama masih tetap subur di sebalik pemodenan negara mereka. Timbul persoalan “Apakah punca utama kejayaan Jepun sehingga mereka dijadikan contoh oleh banyak negara di dunia termasuk negara kita Malaysia ?”

Bagi penulis, kejayaan bangsa Jepun banyak didorong oleh sikap dan cara berfikir masyarakat Pulau penuh dengan ciri-ciri peradaban tersendiri. Penulis memilih untuk mengkaji aspek mentaliti atau pemikiran bangsa Jepun yang telah membawa kepada pembangunan peradaban mereka.

### **1.3 Tajuk Kajian**

Topik yang sesuai dibuat kajian ialah “ **Mentaliti Pulau ( Shimaguni Konjo ) Serta Kesannya ke Atas Perkembangan Peradaban Jepun** ”.



#### **1.4 Tujuan Kajian**

Kajian ini dibuat adalah bertujuan untuk melihat bentuk mentaliti pulau bangsa Jepun yang telah berjaya memacu pembangunan peradaban bangsa tersebut. Sedikit sebanyak kejayaan bangsa Jepun boleh dikongsi bersama oleh masyarakat lain di dunia. Sejak dulu tamadun Jepun sentiasa dibayangi oleh tamadun China dan India dalam ketamadunan Timur. Kini Jepun telah jauh ke depan meninggalkan banyak negara baik di Timur atau di Barat.

#### **1.5 Objektif Kajian**

- 1.5.1 Kajian ini cuba untuk mengungkap latar belakang masyarakat dan budaya bangsa Jepun melalui cara berfikir serta ideologi yang mereka jadikan ikutan.
- 1.5.2 Melihat apakah peranan golongan pemerintah, pentadbir dan rakyat jelata dalam menjayakan kehidupan mereka. Mereka telah lama berinteraksi dengan pengaruh asing baik orang Barat atau Timur.
- 1.5.3 Begitu juga dengan pengaruh agama seperti Buddha, Confucius, Shinto serta fahaman Animisme. Kajian juga akan dibuat ke atas pengaruh bukan agama.
- 1.5.4 Melalui kajian ini, penulis cuba melihat kesan sosio-ekonomi dan politik peradaban Jepun ke atas peradaban lain termasuk Malaysia.

Nama-nama Kenichi Ohmae, Daisaku Ikeda, William G. Ouchi, Yoshihara Kunio, Gen Hasaku, Ishida Eiichiro dan ramai lagi kini mendapat tempat sebagai tokoh yang mencetus pemikiran baru Jepun.

## **1.6 Metodologi Kajian**

Kajian ini akan menggunakan metod kajian perpustakaan. Bahan kajian terdapat dalam buku, majalah, jurnal seminar, suratkhbar dan lain-lain penerbitan. Sedikit kajian luar dilakukan iaitu kaedah temubual dengan bekas pelajar di Jepun, termasuklah pekerja Malaysia dengan syarikat Jepun. Kajian ini cuba melihat corak pemikiran pekerja Malaysia di syarikat Jepun.

## **1.7 Rangka Jadual Kerja**

Penulis telah banyak membuat kajian tentang tajuk di atas. Bahan kajian akan terus ditulis sebaik sahaja tajuk dan rangka disertasi ini diluluskan. Penulis akan menumpukan masa mengenal hal penulisan kerana perkara inilah yang sering menghalang kejayaan penulis. Proses ini akan mengambil masa tiga bulan setengah. Dijangka awal tahun 2004 penulisan akan siap untuk diserahkan. Penulis yakin dapat menyiapkan kajian ini dalam masa yang diperuntukkan. Insya Allah.